



NEGERI TERENGGANU

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN [AKTA 171]

Tr. P.U. 37/86

**UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP
(MAJLIS DAERAH KEMAMAN) 1986**

Tarikh penyiaran :

18 Disember 1986

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah.

- | | |
|-------------------------|---|
| Undang-undang Kecil 1. | Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa. |
| Undang-undang Kecil 2. | Tafsiran. |
| Undang-undang Kecil 3. | Tong sampah sarap isi rumah hendaklah disediakan dan disenggarakan. |
| Undang-undang Kecil 4. | Sampah di bangunan berbilang tingkat. |
| Undang-undang Kecil 5. | Sampah sarap di taman. |
| Undang-undang Kecil 6. | Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan. |
| Undang-undang Kecil 7. | Membuang kereta buruk dan tak berguna. |
| Undang-undang Kecil 8. | Dilarang mengganggu isi kandungan tong. |
| Undang-undang Kecil 9. | Dilarang membakar bahan buangan. |
| Undang-undang Kecil 10. | Dilarang membuang arang batu bakar, bahan letupan dsb. |
| Undang-undang Kecil 11. | Bayaran. |
| Undang-undang Kecil 12. | Penalti. |

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kemaman membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-Undang kecil tersebut seperti berikut:

Undang-undang Kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

- (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Kemaman)** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kemaman.
- (2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.

Dalam undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

"bahan buangan" termasuk apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang ditolak atau rosak dalam proses pengilangan, sama ada mempunyai perdagangan atau tidak;

"buangan perdagangan" ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

"buangan perindustrian" ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari apa-apa aktiviti perindustrian;

"buangan binaan" ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari apa-apa aktiviti pembinaan;

"sampah sarap taman" termasuk daun, jejalar rumput, pokok, dahan atau tanah dari taman atau perkarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan di atas tanah berkenaan, dari tanah itu;

"sampah sarap isi rumah" ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah sarap taman atau bahan-bahan buangan binaan;

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kemaman.

Undang-undang Kecil 3. Tong sampah sarap isi rumah hendaklah disediakan dan disenggarakan.

- (1) Penduduk tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan tong sampah dengan bebibir tutup rapat tidak lebih daripada tiga kaki pada isipadunya.
- (2) Semua sampah sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat kuat-kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
- (3) Apa-apa kaca yang pecah, tin dan lain-lain benda yang tajam tepinya hendaklah dibungkus elok-elok dan dimasukkan ke dalam bekas gunahabis yang berasingan dan diletakkan dekat dengan tong sampah untuk dipungut.
- (4) Tong sampah rumah bolehlah diletakkan di tepi arked atau verandah, di sebelah luar pagar, di lorong belakang atau di mana-mana tempat lain yang sesuai di dalam kawasan rumah untuk memudah mengosongkan tong oleh Majlis.

Undang-undang Kecil 4. Sampah di bangunan berbilang tingkat.

- (1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan oleh Perbadanan Pengurusan Bangunan atau, jika tidak ada perbadanan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam kebok sampah.

- (2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadankan kebok sampah yang disediakan disebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.
- (3) Penduduk hendaklah setiap masa menyelenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebok sampah.
- (4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebok sampah tidak berada dalam keadaan yang sepatutnya baik, Majlis boleh meneruskan tindakan untuk menggantikan, membaiki atau meremidi apa-apa kecacatan dan hendaklah menuntut jumlah yang dibelanjakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 [*Akta 171*].

Undang-undang Kecil 5. Sampah sarap di taman.

Sampah sarap di taman boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran yang ditentukan.

Undang-undang Kecil 6. Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan.

Mana-mana buangan perindustrian atau buangan perdagangan hendaklah dilupuskan oleh tuanpunya perindustrian atau perdagangan yang berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang diselenggarakan oleh Majlis atau sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Undang-undang Kecil 7. Membuang kereta buruk dan tak berguna.

- (1) Apa-apa kereta buruk dan tidak berguna hendaklah dibuangkan oleh tuan punya di mana-mana satu daripada tempat longgokan sampah itu.
- (2) Majlis boleh membuang kereta itu dengan syarat tuanpunya membayar bayaran yang ditentukan.

Undang-undang Kecil 8. Dilarang mengganggu isi kandungan tong.

Tiada seorang pun boleh mengais atau menyelongkar, atau mengalih apa-apa jua benda, atau menumpahkan atau menyelerakkan apa-apa jua isi kandungan, mana-mana tong sampah.

Undang-undang Kecil 9. Dilarang membakar bahan buangan.

Tiada seorang pun boleh membakar apa-apa buangan pada masa yang tidak munasabah atau di tempat-tempat yang mungkin menyebabkan kacauganggu atau kegusaran kepada mana-mana jiran atau orang ramai.

Undang-undang Kecil 10. Dilarang membuang arang batu bakar, bahan letupan dsb.

Apa-apa bahan binaan, arangbatu bakar, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukan bagi membuang buangan perindustrian.

Undang-undang Kecil 11. Bayaran.

Yang Dipertua boleh menetapkan kadar bayaran yang akan dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Undang-undang Kecil 12. Penalty.

Sesiapa jua yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dihukum penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara kedua-duanya sekali.

Bertarikh pada 18 November 1986.

[SUK. TR. 1200/360/1 : PUN. TR. S. 85/3/3]

WAN ISA BIN LONG,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Terengganu